

PEMBENTUKAN MASA HADAPAN BANDUAN MELALUI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA: KAJIAN PULANGAN SOSIAL PELABURAN

(SHAPING PRISONERS' FUTURES THROUGH HIGHER EDUCATION IN MALAYSIA: A SOCIAL RETURN
ON INVESTMENT STUDY)

KHAN, B. N. A.^{1*} – ALWI, N. H.¹ – RAGHAVAN, S.¹

¹ *Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Open Universiti Malaysia, Selangor, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: bibi_ahmadkhan[at]oum.edu.my*

(Received 05th October 2024; revised 13th December 2024; accepted 22nd December 2024)

Abstrak. Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah menjadi strategi penting bagi perniagaan dalam menyeimbangkan kejayaan kewangan dengan impak sosial. Dengan melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk pekerja, pelanggan, pelabur, komuniti setempat, dan pembekal, inisiatif CSR bertujuan mewujudkan amalan perniagaan yang beretika dan mampan yang memberi manfaat kepada syarikat serta masyarakat. Walaupun mengukur manfaat kewangan langsung CSR masih menjadi cabaran, ia diakui secara meluas sebagai satu cara bagi perniagaan untuk menyumbang secara positif kepada masyarakat sambil berpotensi meningkatkan keuntungan dan reputasi jenama. Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada inisiatif CSR khusus yang dilaksanakan oleh Open University Malaysia (OUM) dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia. Inisiatif ini menawarkan peluang kepada banduan untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda dan pascasiswazah melalui Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL). Dengan membekalkan banduan dengan pengetahuan dan kemahiran, program ini bertujuan untuk memulihkan dan mengintegrasikan mereka semula ke dalam masyarakat, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan prospek kerjaya mereka selepas dibebaskan. Pendidikan telah lama diakui sebagai alat yang berkuasa dalam mengurangkan kadar kesalahan berulang, memupuk pembangunan diri, dan menggalakkan sumbangan positif kepada masyarakat. Bagi menilai keberkesanan dan manfaat jangka panjang inisiatif CSR ini, kajian ini mencadangkan penilaian impak sosioekonomi menggunakan kaedah Social Return on Investment (SROI). Pendekatan ini akan memberi pemahaman yang menyeluruh tentang manfaat nyata dan tidak nyata program ini dan membantu pemegang taruh menentukan nilai keseluruhan dan kelestariannya.

Katakunci: *tanggungjawab sosial korporat, akses kepada pendidikan, pembelajaran terbuka dan jarak jauh, pulangan sosial ke atas pelaburan, pendidikan tinggi, pemegang taruh*

Abstract. Corporate Social Responsibility (CSR) has become an essential strategy for businesses seeking to balance financial success with social impact. By engaging various stakeholders including employees, customers, investors, local communities, and suppliers, CSR initiatives aim to create ethical and sustainable business practices that benefit both companies and society. Although measuring CSR's direct financial benefits remains a challenge, it is widely recognized as a means for businesses to contribute positively to society while also potentially enhancing profitability and brand reputation. This research focuses on a specific CSR initiative undertaken by Open University Malaysia (OUM) in collaboration with the Malaysian Prisons Department. The initiative offers inmates the opportunity to pursue undergraduate and postgraduate education through Open and Distance Learning (ODL). By equipping prisoners with knowledge and skills, the program seeks to rehabilitate and reintegrate them into society, ultimately improving their employability and career prospects upon release. Education has long been recognized as a powerful tool for reducing recidivism, fostering personal development, and encouraging positive societal contributions. To assess the effectiveness and long-term benefits of this CSR initiative, the study proposes evaluating its socioeconomic impact using the Social Return on Investment (SROI) method. This approach will provide a comprehensive understanding of the program's tangible and intangible benefits, helping stakeholders determine its overall value and sustainability.

Keywords: *corporate social responsibility, access to education, open and distance learning, social return on investment, higher education, stakeholders*

Pengenalan

Kerajaan Malaysia telah mengizinkan Jabatan Penjara Malaysia memulakan program pengajian tinggi untuk banduan dalam penjara dalam usaha untuk menyediakan pendidikan tertiar kepada mereka dan melengkapkan banduan ini dengan pengetahuan dan kemahiran untuk memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan. OUM adalah penyedia pendidikan tertiar yang diberi kuasa oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk menawarkan program diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran untuk banduan. Responden untuk kajian ini adalah terdiri daripada bekas-bekas banduan yang dibebaskan yang pernah mengikuti program pengajian tertiar ini dan sudah bergraduasi. Kajian ini bertujuan untuk mengira nilai sosial menggunakan kaedah pulangan sosial ke atas pelaburan (SROI) dengan mengambil kira nisbah Ringgit Malaysia (RM) bagi setiap RM1 yang dibelanjakan untuk program pendidikan tinggi OUM di penjara-penjara di Malaysia. OUM, Jabatan Penjara Malaysia dan semua pihak berkepentingan yang lain akan dapat menilai program CSR ini dalam bentuk nilai wang. Sebagai contoh, nisbah 10:1 menunjukkan bahawa pelaburan sebanyak RM1 memberikan nilai sosial sebanyak RM10. SROI mengandungi lebih banyak maklumat berbanding pengukuran kewangan pulangan pelaburan atau Return on Investment (ROI). SROI membantu kita untuk memahami perubahan yang dijana dengan menilai hasil sosial dan ekonomi. Perubahan di sini merujuk kepada perubahan yang dijana oleh program CSR dari pihak berkepentingan; iaitu orang atau organisasi yang menyumbang kepadanya. OUM dan pihak berkepentingan kini boleh mengukur, memahami dan menyampaikan nilai dari program CSR yang dijalankan.

Pendidikan serta pengalaman kerja banduan menjadi peramal utama samada seseorang banduan mampu untuk memperoleh pekerjaan atau tidak kerana ianya adalah kriteria penting bagi majikan yang mencari pekerja yang boleh dipercayai (Western dan Sirois, 2019; Carson dan Anderson, 2015; Sabol, 2007; Western, 2007). Bagi sesetengah banduan yang telah bebas, mereka mungkin kembali kepada majikan terdahulu untuk mencari pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang minimum atau jawatan yang kurang berinteraksi dengan pelanggan (Holzer et al., 2007). Banyak kajian telah dilakukan ke atas para majikan untuk mengenalpasti ketersediaan majikan untuk mengupah individu yang mempunyai rekod jenayah (Holzer et al., 2007; 2006). Dalam kaji selidik yang dijalankan ke atas lebih 3,000 majikan di Amerika Syarikat, didapati kira-kira 60% daripada majikan berkemungkinan besar untuk tidak mengupah pemohon yang mempunyai rekod jenayah. Memandangkan kebanyakan bekas banduan ini akhirnya akan menyertai masyarakat kembali, maka pendidikan yang diberikan dalam penjara adalah kaedah yang terbaik sebagai persediaan mereka bagi kehidupan selepas penjara. Jika seorang banduan meninggalkan penjara dengan kemahiran yang sama seperti sebelum memasuki penjara, adalah berkemungkinan besar bahawa mereka akan menyertai semula aktiviti lama yang melanggar undang-undang negara. Ini adalah suatu perkara yang wajib kita fikir dalam memastikan pendidikan tinggi benar-benar tersedia walaupun bagi mereka yang berada dalam penjara.

Menyediakan program pemulihan bersepadu untuk semua banduan berdasarkan Rancangan Pembangunan Manusia di Jabatan Penjara.

Dipetik dari Piagam Pelanggan Jabatan Penjara Malaysia

Dengan menawarkan pendidikan kepada banduan, anda melindungi tamadun anda sendiri, masyarakat anda sendiri. Jika kurang individu yang tiada harapan, tiada pendidikan, tiada sokongan dan kurang perasaan bangga dengan diri mereka, maka kuranglah risiko kepada anda: nilai dan barangan anda. Anda tidak perlu menjadi seorang yang bersimpati untuk melihat perkara ini.

Dipetik dari Psychology Today, 2018

Di Jabatan Penjara Malaysia, bahagian yang bertanggungjawab dalam merencana dan melaksanakan program pemulihan ke atas banduan ialah Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan). Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program dan aktiviti rawatan dan pemulihan kepada banduan bagi memperbaiki dan membina semula fizikal, mental, sikap, akhlak dan rohani berasaskan nilai murni dan seterusnya membentuk pendekatan pemulihan yang benar-benar bersesuaian dengan keperluan banduan agar perubahan sikap yang positif terhasil dalam kalangan banduan. Bahagian ini telah melaksanakan program yang dinamakan sebagai Program Pembangunan Insan (PPI) untuk banduan bermula Februari 2002 di mana banduan dalam program ini dibekalkan dengan kemahiran melalui kelas-kelas vokasional yang disokong melalui pensijilan oleh agensi berkaitan. Banduan juga berpeluang melanjutkan pelajaran melalui program pengajian akademik yang disediakan di peringkat kelas 3M, Penilaian Menengah Rendah, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dan bagi mereka yang berkelayakan, peluang akademik disediakan sehingga ke pengajian peringkat tinggi seperti diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.

Banduan yang diterima ke program OUM menghadiri tutorial bersemuka yang dijalankan oleh para tutor OUM di dalam penjara. Ia merupakan satu program untuk pemulihan dan pendidikan banduan dan mewujudkan peluang pekerjaan jika dan apabila mereka dibebaskan. Pulangan sosial ke atas pelaburan (SROI) bagi program sebegini sebenarnya boleh dinilai. Kajian ini menekankan sumbangan pelbagai pihak berkepentingan yang memberi impak positif dan mampan kepada komuniti banduan yang bakal menempuh pelbagai cabaran di luar sana. Pihak Jabatan Penjara Malaysia, Open University Malaysia (OUM), ibubapa dan keluarga banduan adalah pihak berkepentingan yang dikaji. Kajian ini secara khusus menganalisis nilai sosial dan kesan ekonomi yang diperolehi dari penawaran pendidikan tertiar kepada banduan. Keputusan akan dinyatakan dalam nisbah jumlah manfaat (jumlah semua hasil) kepada jumlah pelaburan (jumlah semua kos yang terlibat). Jenis perubahan serta nilai perubahan (kewangan dan bukan kewangan) daripada perspektif pihak berkepentingan akan diukur untuk menentukan pulangan sosial ke atas pelaburan (SROI). Objektif-objektif kajian ini adalah untuk menentukan SROI bagi pihak berkepentingan (OUM, Jabatan Penjara Malaysia, banduan, bekas banduan dan keluarga mereka), untuk menilai samada pendidikan tertiar yang ditawarkan di penjara relevan kepada mereka dan untuk menilai impak penawaran program pendidikan tertiar di penjara ke atas pihak berkepentingan (OUM, Jabatan Penjara Malaysia, banduan, bekas banduan dan keluarga mereka).


Sorotan literatur

Menurut Mandela Rules of Education and Recreation Rule 104, peruntukan hendaklah dibuat bagi memberikan pendidikan lanjutan kepada semua banduan, termasuk pendidikan keagamaan dalam negara-negara di mana perkara ini boleh dilakukan. Pendidikan kepada banduan buta huruf dan banduan muda adalah wajib dan perhatian khas hendaklah diberikan oleh pihak pentadbiran penjara. Dari segi praktikal, pendidikan untuk banduan akan disepadukan dengan sistem pendidikan negara supaya selepas dibebaskan, mereka boleh meneruskan pendidikan mereka tanpa sebarang rintangan. Berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan di Malaysia, pendemokrasian dasar pendidikan telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan dan "Pendidikan untuk Semua" sebagaimana yang diperjuangkan oleh UNESCO. Seperti yang termaktub dalam Peraturan 151 (1) dan (3), Peraturan Penjara 2000, perkhidmatan pendidikan kepada banduan adalah suatu kewajipan yang perlu dipenuhi oleh pihak berkuasa penjara. Jabatan Kehakiman Malaysia diamanahkan dengan tanggungjawab mengekalkan keadilan mengikut Perlembagaan Malaysia dan sistem perundangan. Pesalah termaktub dalam sistem ini akan menghadapi tindakan perundangan. Mereka akan dibicarakan di bawah sistem perundangan dan jika didapati bersalah, mereka akan dipenjarakan untuk menjalani hukuman bagi sesuatu tempoh, bergantung kepada tahap kesalahan. Jabatan Penjara Malaysia ditugaskan untuk menguatkuasakan langkah-langkah punitif yang ditetapkan bagi setiap banduan. Dalam proses ini, banduan disediakan dengan penginapan, makanan, rawatan perubatan dan kemudahan lain yang merupakan kos ke atas dana tahunan kerajaan bagi menguruskan penjara dan banduan.

Kos-kos yang terlibat: (a) Pampasan, faedah dan ganjaran kepada semua pekerja di penjara, pasukan polis dan mahkamah; (b) Perbelanjaan yang meliputi penginapan, makanan, kemudahan perubatan, pakaian seragam dan barangan berkaitan yang digunakan oleh banduan; (c) Kos utiliti untuk keseluruhan sistem penjara; (d) Kos pentadbiran dan penyimpanan rekod; (e) Kos pengangkutan; (f) Kos bantuan psikiatri dan kebajikan banduan; (g) Kos berkaitan agama dan aktiviti yang berkaitan; and (h) Kos peruntukan sekuriti (24/7, 365 hari setahun). Apabila seorang banduan dibebaskan, mereka akan kembali kepada masyarakat. Jika kehidupan mereka tidak terjamin dari segi keselamatan, besar kemungkinan mereka akan kembali ke alam jenayah. Sekiranya ini berlaku, mereka akan ditangkap dan dipenjarakan semula. Mengikut Bender (2018), pembayar cukai dianggarkan menanggung empat hingga lima dolar (USD) bagi setiap dolar (USD) yang dibelanjakan untuk pendidikan dalam penjara. Letlhoye dan Makande (2021) menegaskan impak positif program pendidikan terhadap pemulihan banduan pelajar muda, walaupun mengakui bahawa program ini mempunyai cabaran. Matlamat pendidikan penjara, seperti yang dinyatakan oleh O'Grady (2019), adalah untuk menggalakkan transformasi sosial, ekonomi dan budaya, yang akhirnya membawa kepada peningkatan kewarganegaraan sosial, peluang ekonomi dan pemeraksanaan individu. Dengan menawarkan peluang untuk pendidikan tinggi, program pendidikan penjara bukan sahaja melengkapkan banduan dengan kemahiran dan kelayakan yang berharga tetapi juga menyemai rasa tanggungjawab dan sebarang kemungkinan untuk masa depan (Raghavan et al., 2024).

Penguatkuasaan tindakan punitif adalah bagi menghalang banduan daripada melakukan kesalahan berulang dan kembali kepada kehidupan penuh jenayah. Mereka bakal menjadi banduan semula sebagai pesalah berulang. Ini akan menjadi suatu kitaran yang ganas. Dalam usaha untuk mengurangkan bilangan banduan berulang, kerajaan (melalui OUM) telah memulakan program pendidikan tertiar dengan membekalkan banduan dengan pendidikan yang mencukupi supaya mereka boleh lebih bersedia untuk

bekerja atau menjadi usahawan. Ini membolehkan mereka mencari rezeki yang halal untuk diri sendiri dan keluarga mereka. Pendidikan boleh memberi manfaat bagi individu yang dipenjara, dan menjadikan masyarakat lebih selamat. Dengan memberikan peluang kepada mereka untuk berubah, kita semua akan mendapat manfaat bersama (Kunen, 2017). Ia dapat mengurangkan bilangan pesalah berulang. Oleh yang demikian, jumlah kewangan untuk menanggung kos operasi penjara dan kakitangan boleh dikurangkan dengan ketara. Ini adalah kerana apabila pesalah (atau bekas banduan) mempunyai kelayakan akademik, mereka akan berdaya saing dalam pasaran kerja dan merangsang aktiviti ekonomi dan produktiviti. Pelaburan dalam program pendidikan di penjara memberi manfaat ekonomi jangka panjang bagi negara. Pengajian di institusi penjara akan membantu mengatasi masalah sosial negara (Budin, 2014). *Rajah 1* menggambarkan perkongsian unik antara OUM dan Jabatan Penjara Malaysia. Ia memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana perubahan boleh dibuat melalui perancangan formal di mana kedua-dua pihak bekerjasama untuk berkongsi kemahiran, bahan pembelajaran, teknologi dan sumber-sumber lain. Perkongsian strategik dan inovatif ini memberi manfaat kepada prinsip pembelajaran sepanjang hayat. Adalah menjadi harapan kajian ini supaya perkongsian ini akan berkekalan dan akan berjaya menarik kolaborasi dengan pelbagai rakan kongsi yang lain, termasuk masyarakat tempatan, konglomerat perniagaan dan penderma-penderma individu pada masa hadapan.



Rajah 1. Rangka kerja konsep perkongsian antara OUM dan jabatan penjara Malaysia.

Kajian ini bertujuan untuk mengukur pulangan sosial ke atas pelaburan dalam pendidikan tertiar bagi banduan. Ia bertujuan untuk menganalisis manfaat dan kos program pendidikan tinggi di penjara dan bertujuan untuk menilai keberkesanan program pendidikan tertiar di penjara Malaysia melalui pulangan sosial ke atas pelaburan (SROI). SROI adalah kaedah untuk mengukur nilai berdasarkan Manual 2015

MIM-KAS University Corporate Social Responsibility Programme dari Malaysian Institute of Management (MIM) dan Konrad-Adenauer-Stiftung (KAS). Analisis SROI berguna untuk perancangan strategik yang menyediakan maklumat untuk semua pihak yang berkepentingan. Ia berfungsi sebagai kaedah untuk menilai prestasi sesuatu pelaburan terhadap objektif yang telah ditetapkan supaya pihak pelabur atau penyedia dana boleh mendapatkan pandangan secara menyeluruh dan memahami dengan lebih mendalam tentang nilai program pendidikan tinggi di penjara.

Kesamarataan peluang perlu diberi kepada semua orang mahupun kepada banduan yang sedang menjalani hukuman di penjara. Usaha ini perlu dipertingkatkan lagi dengan kerjasama semua pihak agar pengulangan jenayah bagi penghuni penjara dapat dielakkan dan mereka boleh meneruskan kehidupan dengan lebih baik selepas dibebaskan kelak.

Jabatan Penjara Malaysia, 3 Jun 2020

Instrumen dan Metod Kajian

Reka bentuk penyelidikan membolehkan penyelidik menyediakan penyelesaian kepada masalah dan membimbing para penyelidik dalam pelbagai peringkat penyelidikan. Dalam kajian ini, jenis reka bentuk kajian rentas dipilih. Ini adalah reka bentuk yang paling utama yang digunakan dalam sains sosial. Data akan dikumpul menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif ini merangkumi soal selidik dan kaedah kualitatif terdiri daripada temubual dengan responden (termasuk banduan, bekas banduan, keluarga mereka, Jabatan Penjara Malaysia dan OUM). Kajian ini akan menggunakan kaedah triangulasi. Dalam penyelidikan ini, reka bentuk pensampelan menggunakan persampelan kluster untuk memastikan kumpulan yang berbeza di dalam populasi adalah diwakili secukupnya dalam sampel untuk meningkatkan tahap ketepatan apabila menganggarkan parameter. Idea utama dalam persampelan kluster adalah untuk menggunakan maklumat yang sedia ada mengenai populasi dalam penjara. Populasi kajian adalah seperti berikut: sehingga semester Januari 2024, seramai 83 orang banduan telah mendaftar untuk program OUM sejak 2008 untuk mengikuti program ijazah dan pasca ijazah OUM di penjara-penjara terpilih di Malaysia. Seramai 20 orang masih mengikuti program OUM di penjara, di mana seorang banduan sedang mengikuti pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD). 24 orang telah bergraduasi iaitu 3 orang di peringkat sarjana, 10 orang di peringkat ijazah sarjana muda dan 11 di peringkat diploma, di mana beberapa daripada mereka yang bergraduasi telah meneruskan pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi. 7 orang telah memilih untuk menjadi pelajar dorman iaitu telah memutuskan untuk tidak aktif mengikuti pengajian, manakala 32 orang lagi menangguhkan pengajian atas pelbagai sebab. Program yang ditawarkan adalah Diploma Pengurusan (DIM), Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) (BBA), Sarjana Muda Sains Politik (Kepujian) (BPS), Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) (BIT), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Doktor Falsafah dalam Pentadbiran Perniagaan (PhD BA). Penjara-penjara terpilih untuk program OUM adalah di Kajang di Selangor, Bentong di Pahang dan Kota Kinabalu di Sabah.

Sampel kajian yang terbaik adalah pelajar yang telah selesai mengikuti pengajian OUM di penjara dan telah dibebaskan. Instrumen penyelidikan pula adalah soal selidik yang akan diagihkan kepada responden dalam bentuk tinjauan. Kajian ini juga akan

menggunakan temu bual berstruktur sebagai kaedah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan maksimum dari para peserta. Suatu temu bual adalah pertukaran idea yang bertujuan untuk menjawab soalan. Dr. Geoffrey Williams akan diminta untuk menilai hasil penyelidikan. Dr. Williams telah memainkan peranan penting dalam pembentukan polisi dan mempromosikan strategi CSR melalui kerjasama MIM-KAS di Malaysia. Data akan diproses menggunakan formula $\text{manfaat/kos} = \text{nilai SROI}$ untuk menjawab Objektif Kajian 1. Keputusan akan ditunjukkan dalam bentuk nisbah faedah dan kos menjalankan program-program OUM ini. Analisis deskriptif dan kajian rentas akan digunakan untuk menghasilkan keputusan untuk Objektif Kajian 2 dan Objektif Kajian 3.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada pelbagai pihak berkepentingan (Kerajaan Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, dan OUM) bagi mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang manfaat menawarkan pendidikan tinggi di penjara. Kos kewangan (kos dan faedah dalam nilai wang) dan kos bukan kewangan (kos melepas, pengurangan beban kerja staf penjara yang sedia ada, pengurangan kos pengrekrutan dan pemilihan bakal staf penjara, pengurangan kebimbangan dan stres berkaitan kerja, penjimatan ke atas cukai dan sebagainya) akan digambarkan dengan jelas. Jangkaan keputusan kajian ini akan juga memberi manfaat kepada banduan penjara dan bekas banduan dengan pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana pendidikan tertiar dan kemahiran belajar yang diperoleh di penjara dapat membantu mereka mendapatkan taraf kehidupan yang lebih baik. Pembiayaan pendidikan tinggi yang disediakan di penjara adalah dari ehsan keluarga, simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) banduan itu sendiri atau sumbangan dari organisasi bukan kerajaan (NGO). Di penjara, banduan menerima kemahiran tambahan (semua dibayar oleh kerajaan) seperti kemahiran aplikasi komputer, kemahiran menulis, membaca dan mengira, dan pelbagai kemahiran lain. Mereka memperoleh keyakinan diri dan motivasi yang lebih kuat. Banduan menerima pengetahuan yang penting untuk digunakan dalam mendapatkan pekerjaan di masa hadapan. Keluarga banduan juga mendapat manfaat dari pendidikan tinggi di penjara kerana banduan yang dibebaskan telah dilengkapi dengan pengetahuan untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang lebih tinggi. Pendapatan yang bakal dijana oleh banduan boleh dimanfaatkan oleh seluruh keluarga banduan (pasangan, anak, ibu bapa dan lain-lain tanggungan) dan ianya menawarkan kuasa pembelian yang tinggi. Nilai ekonomi ini melalui pelbagai lapisan masyarakat dan sebahagian daripadanya terakru kepada kerajaan dalam bentuk pembayaran cukai.

Akhir sekali, hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada staf akademik dan kakitangan bukan akademik di OUM yang memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada banduan di penjara. Permintaan bagi pendidikan tinggi di penjara telah menghasilkan peluang kerjaya di OUM dan membolehkan penambahbaikan kepada program pembelajaran terbuka dan jarak jauh. OUM juga dapat memantau dan menaik taraf program pendidikan tertiar dan memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan di negara ini. Pendidikan tertiar yang ditawarkan oleh OUM boleh membantu mengubah banduan di penjara menjadi modal insan yang mahir serta kompeten dan mampu menyumbang kepada ekonomi negara di kemudian hari. Pendidikan tertiar dari OUM juga secara langsung berjaya memberi

lebih banyak kesan positif dalam mengubah bukan sahaja minda banduan penjara, tetapi juga kepada perundangan, peraturan dan tindakan punitif.

Kesimpulan

Kajian ini memberi manfaat kepada masyarakat dengan memainkan peranan yang penting dalam mengubah banduan menjadi rakyat yang patuh kepada undang-undang dan mampu menyumbang kepada ekonomi sebagai ahli profesional yang berpendidikan. Orang ramai akan kurang berasa takut, dan kurang menghadapi tekanan dan kebimbangan dari bekas banduan. Persekitaran yang selamat mampu memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat. Nilai SROI ini mampu membawa kepada tahap keyakinan yang lebih tinggi dan penerimaan masyarakat yang lebih baik terhadap banduan yang telah dibebaskan. Ini juga untuk memastikan pendidikan tinggi benar-benar tersedia untuk semua, walaupun kepada mereka yang terkurung di dalam tembok penjara (Raghavan et al., 2024).

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan yang tulus kepada semua pihak terutama kepada pihak Open University Malaysia (OUM) dan Jabatan Penjara Malaysia atas kerjasama dan sokongan dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih juga kepada para peserta kajian yang telah meluangkan masa untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mereka, yang sangat berharga dalam memperkayakan dapatan penyelidikan ini. Kajian ini dibiayai oleh OUM, dan kami sangat berbesar hati dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan pendidikan dalam pemulihan serta integrasi sosial banduan di Malaysia.

Konflik Kepentingan

Penyelidik dengan ini mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan yang melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini. Semua maklumat yang dikemukakan adalah berdasarkan analisis yang objektif dan tidak dipengaruhi oleh sebarang kepentingan peribadi, kewangan, atau institusi. Kajian ini dijalankan dengan penuh integriti dan ketelusan bagi memastikan ketepatan serta kebolehpercayaan dapatan penyelidikan.

RUJUKAN

- [1] Budin, D. (2014): Pendidikan Juvana Di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran. – *Jurnal Hadhari* 6(1): 87-104.
- [2] Carson, E.A., Anderson, E. (2015): Prisoners in 2014. – U.S. Department of Justice 35p.
- [3] Holzer, H.J., Raphael, S., Stoll, M.A. (2007): The effect of an applicant's criminal history on employer hiring decisions and screening practices: Evidence from Los Angeles. – *Barriers to Reentry* 4(15): 117-150.
- [4] Holzer, H.J., Raphael, S., Stoll, M.A. (2006): Perceived criminality, criminal background checks, and the racial hiring practices of employers. – *The Journal of Law and Economics* 49(2): 451-480.

- [5] Kunen, J.S. (2017): *Opening Minds Behind Bars*, Columbia magazine. – Columbia Magazine 16p.
- [6] Letlhoye, S., Makande, S. (2021): *Rehabilitation of Inmate Young Offenders and the Education system: Offenders' Perspective in South Africa*. – FWU Journal of Social Sciences 15(3): 43-59.
- [7] O'Grady, A.B. (2019): "There's More That Binds Us Together Than Separates Us": Exploring the Role of Prison-University Partnerships in Promoting Democratic Dialogue, Transformative Learning Opportunities and Social Citizenship. – Journal of Prison Education and Reentry 6(1): 78-95.
- [8] Raghavan, S., Khan, B.N.A., Alwi, N.H. (2024): *Tertiary Education Behind Bars: Access Opportunities to Prison Inmates in Malaysia*. – International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 14(7): 319-330.
- [9] Sabol, W.J. (2007): *Local labor market conditions and post-prison employment: Evidence from Ohio. Barriers to reentry*. – New York: Russell Sage Foundation 46p.
- [10] Western, B. (2007): *The penal system and the labor market*. – Barriers to Re-Entry 25p.
- [11] Western, B., Sirois, C. (2019): *Racialized Re-entry: labor market inequality after incarceration*. – Social Forces 97(4): 1517-1542.